

29 OCT 1996

KL LINEARCITY RANCANG KUMPUL DANA MELALUI IPO

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- KL LinearCity Sdn Bhd, pemaju projek KL LinearCity, merancang untuk mengumpul dana melalui satu tawaran awam permulaan (IPO) bagi membiayai sebahagian daripada projek yang bernilai berjuta ringgit.

Syarikat tersebut hari ini menandatangani satu perjanjian pembangunan dengan kerajaan yang mengamanahkan kepadanya 216.5 ekar (86.6 hektar) tanah di sepanjang 12-km Sungai Kelang di bawah pajakan 99 tahun dengan bayaran RM611 juta.

Projek KL LinearCity, dari Jalan Tun Razak ke Kampung Pasir di Jalan Klang Lama, akan mengandungi pembangunan di atas sungai, pembangunan tebing sungai dan pembangunan di darat yang dijangka menelan belanja antara RM5 bilion dan RM10 bilion, dan mengambil masa selama 20-25 tahun.

KL LinearCity akan mematuhi garis panduan dan peruntukan bagi IPO bagi projek-projek prasarana penswastaan, kata pengerusinya Datuk Kamarudin Jaffar pada satu persidangan berita selepas upacara menandatangani perjanjian tersebut.

Buat masa ini, projek tersebut dibiayai melalui dana pemegang saham dan pinjaman bank.

Selain itu, projek KL LinearCity akan mengandungi pusat komersil bandar dan pelancongan yang terbesar dan terpanjang di dunia, bernama GigaWorld, iaitu sepanjang 1.8 km.

Ciri-ciri lain projek tersebut termasuklah sistem monorel sepanjang 16-km bernama "People-mover Rapid Transit" (PRT), program pembersihan sungai dan pengurangan banjir selama 99 tahun, penempatan semula 1,000 penduduk setinggian di sepanjang sungai dan taman linear berlanskap sepanjang 12km.

KL PRT hari ini diberikan konsesi 30 tahun bagi memaju, membina, mengurus, mengendali dan menyenggara sistem PRT di bawah perjanjian dengan kerajaan yang juga ditandatangani hari ini.

KL LinearCity, 51 peratus milik Bumiputera memegang 63 peratus kepentingan dalam KL PRT.

Upacara menandatangani kedua-dua perjanjian itu hari ini telah disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Penandatanganan bagi perjanjian tanah KL LinearCity termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Tan Sri Clifford Herbert bagi pihak Syarikat Tanah dan Harta Sdn Bhd, Timbalan Ketua Setiausaha (1) Kementerian Pertanian Datuk Zolkipli Abdul, Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Kamaruzzaman Sharif, Kamarudin dan pengarah urusan syarikat tersebut, David Chew.

Bagi perjanjian konsesi PRT, kerajaan telah diwakili oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Datuk Othman Mohd Rijal, sementara Kamarudin dan Chew mewakili syarikat tersebut. -- BERNAMA

AD KY/sia